



## **KENYATAAN RASMI**

### **KPE HJ ZAIRULSHAHFUDDIN BERSARA SELEPAS 12 TAHUN MEMIMPIN ISLAMIC RELIEF MALAYSIA**

Islamic Relief Malaysia hari ini mengumumkan hari terakhir perkhidmatan Saudara Zairulshahfuddin Bin Zainal Abidin sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Islamic Relief Malaysia selepas 12 tahun memberikan perkhidmatan cemerlang dan menempatkan Islamic Relief Malaysia dalam kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terbaik di Malaysia. Ini merupakan sebahagian daripada pelan penerusan kepimpinan yang diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah Islamic Relief Malaysia susulan permintaan beliau untuk bersara secara sukarela pada tahun lalu.

Saudara Zairul telah menyertai Islamic Relief Malaysia pada tahun 2010 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau telah menggabungkan pemahaman beliau yang berharga tentang pengurusan dan operasi organisasi ini, seterusnya membawanya kepada pihak lembaga pemegang amanah. Lembaga Pemegang Amanah Islamic Relief Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kepimpinan serta sumbangan beliau yang tidak ternilai kepada organisasi.

Beliau telah banyak terlibat sejak awal dalam memberikan bimbingan dan sokongan yang padu kepada pihak pengurusan, dan memberikan komitmen sepenuhnya dalam memenuhi objektif organisasi. Bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah, pengurusan serta kakitangan di Malaysia dan di peringkat global, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Saudara Zairul atas sumbangan besar beliau kepada Islamic Relief Malaysia. Dedikasi dan kesetiaannya kepada organisasi telah menjadi teladan. Beliau akan sentiasa menjadi sebahagian daripada keluarga Islamic Relief Malaysia dan kami mendoakan kejayaan beliau dalam peranan seterusnya.

Sehingga pelantikan rasmi KPE baharu Islamic Relief Malaysia, Saudari Siti Fadilah Binti Mohd Hood akan menjadi pemangku KPE berkuat kuasa mulai 1 September 2022

Terima Kasih.

Prof. Dr. Azni Bin Idris  
Pengerusi  
Ahli Lembaga Pemegang Amanah  
Islamic Relief Malaysia

31hb Ogos 2022